


## Konvokesyen UNHAS dalam norma baharu

Oleh: Nurul Jannah Mohd Lotfi, 1180314

MAKASSAR: Susulan daripada pandemik Covid-19, seramai 28 orang pelajar Malaysia graduan Universitas Hasanuddin (UNHAS) lulusan Program Sarjana Kedoktoran khususnya menghadiri majlis graduasi secara atas talian.

Majlis konvokesyen ini berlangsung pada 17 November (Selasa) yang lalu di Dewan Auditorium Baruga Andi Pengerang Pettarani Universitas Hasanuddin, manakala untuk graduan daripada luar negara pula hanya berpeluang menyertai secara atas talian menggunakan aplikasi 'zoom'.



Majlis konvokesyen yang disertai oleh graduan UNHAS secara maya di rumah masing-masing.

Canselor UNHAS Professor Dr Dwia Aries Tina Pulubuhu, MA, dalam ucapannya berkata menyedari akan keinginan para graduan yang tidak mahu terlepas 'moment' yang sangat bersejarah dalam hidup, pihak UNHAS tetap mengadakan konvokesyen secara bersemuka (bagi graduan Indonesia) dan membenarkan graduan yang jauh untuk mengikuti secara atas talian.

Dalam pada itu, pihak UNHAS juga telah menyediakan inisiatif lain dengan menyiarkan secara langsung di laman *YouTube* sekaligus membolehkan ahli keluarga dapat turut serta mengikuti majlis konvokesyen berkenaan.

Graduan UNHAS dari Malaysia, Nur Nadhirah Iman Saarani, 25, berkata pengalaman bergraduasi secara atas talian semestinya mengecewakan apabila mereka tidak dapat bersemuka dan bertemu dengan rakan yang lain setelah enam tahun belajar.

"Namun saya bersyukur dan gembira kerana dapat menamatkan pengajian dengan lancar sebelum pandemik Covid-19."

Tidak melepaskan peluang, 28 graduan dari Malaysia yang terlibat dalam konvokesyen atas talian ini juga masing-masing turut mencipta kenangan bergraduasi bersama keluarga dengan cara yang tersendiri.



Sesi fotografi Aisyah bersama keluarganya setelah selesai bergraduasi atas talian.

Aisyah Mohd Lotfi, 25, yang juga merupakan salah seorang graduan UNHAS dari Malaysia, berkata meskipun tidak berlatarbelakangkan gambar Universiti seperti kebiasaannya, namun inisiatif dari diri sendiri untuk mengambil gambar kenangan bersama ahli keluarga di rumah dengan mengenakan jubah dan topi konvo yang sedia ada juga tetap diadakan setelah selesai bergraduasi.